



BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 5, Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 Putrajaya
MALAYSIA



☎ 603-88927600
🌐 <http://www.bomba.gov.my>
✉ korporat@bomba.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN

PROGRAM KESIAPSIAGAAN MUSIM PERAYAAN DAN

KEMPEN KESELAMATAN SEMPENA

TAHUN BARU CINA 2024.

KUALA LUMPUR, 2 FEBRUARI 2024 – YB Tuan Nga Kor Ming (YBKM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Program Kesiapsiagaan Musim Perayaan Dan Kempen Keselamatan Sempena Tahun Baru Cina 2024 yang diadakan di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pagi ini.

Program ini dilaksanakan bagi menyusun strategi awal persediaan dan kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menghadapi insiden-insiden kecemasan yang mungkin berlaku di sepanjang musim perayaan Tahun Baru Cina ini.

YBKM dalam ucapan perasmiannya berkata, program ini merupakan agenda tahunan kementerian di bawah seliaan JBPM dan merupakan satu medium terbaik untuk tujuan pendidikan, penguatkuasaan, pencegahan dan pemantauan ke arah meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia dalam aspek keselamatan terutama ketika musim perayaan.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik inisiatif pihak bomba ini kerana ia merupakan satu langkah yang proaktif dan berkesan ke arah mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang amalan keselamatan dan pencegahan kebakaran serta keselamatan aktiviti air.

"Dalam kegembiraan kita untuk menyambut perayaan ini, selain aspek keselamatan di jalan raya, kita juga tidak boleh mengambil mudah akan aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran terutamanya di kediaman masing-masing. Rumah yang ditinggalkan perlu dipastikan berada dalam keadaan selamat dan hapuskan punca-punca yang boleh mencetuskan kebakaran,"katanya.

Pada majlis sama, KPKT dan JBPM hari ini turut mengagihkan alat pemadam api kepada Pasukan Bomba Komuniti, Emergency Response Team (ERT) dan Pasukan Bomba Sukarela serta pengguna jalan raya sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan alat pemadam api terutamanya dalam aspek pencegahan awal bagi kebakaran di bangunan dan juga kebakaran kenderaan.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

Pelbagai pengisian juga telah disusun sepanjang program pada hari ini antaranya pertandingan mewarna, kempen dan pameran keselamatan kebakaran dan pertunjukan kebombaian.

Turut diadakan adalah penyampaian sijil Perakuan Bomba kepada premis-premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan dan mematuhi keperluan kebombaian.

Dalam pada itu, YAS Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ketika berucap berkata, sepanjang musim perayaan ini JBPM akan memfokuskan kepada keselamatan dan pencegahan kebakaran melalui pemeriksaan dan aktiviti menghapus bahaya kebakaran (MBK) di premis, keselamatan aktiviti-aktiviti di badan-badan air yang menjadi tumpuan pengunjung serta keselamatan dan pencegahan kemalangan jalan raya melalui Ops Bersepadu (Ops Selamat) di bawah seliaan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Statistik JBPM menunjukkan sebanyak 34,389 kes panggilan kebakaran telah diterima dan diambil tindakan sepanjang tahun 2023 menyebabkan kerugian harta benda berjumlah RM2.6 billion. Sepanjang tempoh Ops Tahun Baharu Cina 2023, sebanyak 747 kes kebakaran direkodkan dan 132 (17%) daripadanya adalah kebakaran melibatkan bangunan.

"Justeru pada tahun ini, JBPM telah merangka strategi yang komprehensif dengan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh bagi memastikan aspek keselamatan kebakaran di bangunan atau premis yang menjadi tumpuan orang ramai sewaktu musim perayaan seperti pusat membeli belah, hotel, chalet, pusat-pusat peranginan, dan rumah tumpangan dapat dipertingkatkan,"ujar beliau.

Sebagai persediaan melibatkan keselamatan aktiviti di badan air pula, JBPM melalui Majlis Keselamatan Aktiviti di Air (MCAA) akan terus mempergiatkan usaha memberi kesedaran kepada masyarakat dengan mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran, mempergiatkan rondaan berkala di badan-badan air yang menjadi *hot spot* kelemasan dan pemasangan papan tanda amaran dan tips keselamatan juga akan dilaksanakan dengan lebih agresif.

YAS Dato' Ts. Nor Hisham berkata, bermula 7 hingga 13 Februari 2024, JBPM telah mengeluarkan surat arahan kepada semua JBPM Negeri yang terlibat untuk bersiapsiaga bagi menempatkan pasukan dan aset-aset jabatan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan PDRM sebagai persediaan menghadapi sebarang kes berkait kemalangan jalan raya.

"Sebanyak 14 lokasi melibatkan 8 buah negeri iaitu Selangor, Johor, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Kedah, Terengganu dan Negeri Sembilan telah dikenalpasti dan ditetapkan oleh pihak PDRM bagi penempatan pasukan dan aset jentera JBPM. Lokasi-lokasi ini adalah kawasan strategik di sepanjang jajaran lebuh raya utama negara,"katanya.

Disediakan oleh:
Bahagian Pengurusan Korporat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2 Februari 2024

